

15 JANUARI 2018

24 ditahan positif dadah

Kuala Lumpur

24 ditahan positif dadah

Polis menahan 24 individu dipercayai positif dadah dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Bukit Bintang, awal pagi semalam.

Serbuan jam 2 pagi itu dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur selepas menerima maklumat awam.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mazlan Lazim berkata, individu berkenaan adalah pengunjung pusat hiburan terbabit, didapati positif dadah jenis methamphetamine dan ketamin selepas ujian air kencing dijalankan terhadap mereka.

“Serbuan turut merampas 12.56 gram serbuk putih dipercayai dadah jenis ketamin di pusat hiburan berkenaan.

“Seramai 31 pengunjung diperiksa ketika mereka berhibur di pusat hiburan berkenaan,” katanya.

Mazlan berkata, daripada jumlah tangkapan itu, lapan daripadanya adalah warganegara China yang turut positif dadah.

“Semua tangkapan dibawa ke IPK Kuala Lumpur untuk siasatan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1)(a) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya.